

Umno sambung perjuangan Saberkas, KMK

bH - 11/5/2006

Sultan serta rakyat berganding bahu menentang penubuhan Malayan Union

Oleh Munaarfah Abu Bakar

SEJARAH perjuangan Umno dalam memupuk kesedaran Melayu mengenai erti kemerdekaan memang tidak dapat digambarkan dengan kata-kata.

Tidak ada lebih menakjubkan bila mengenang kembali keberanian pejuang bangsa bangkit menentang British tanpa sebarang pertumpahan darah dan mengorbankan nyawa tidak berdosa, sebaliknya hanya menerusi permuafakatan.

Dalam mengimbu kembali jasa negarawan ulung ini, Kedah juga tidak kurang dengan pejuang bangsa yang terbilang tanpa mengira darjat dan keturunan yang bersama menentang penjajahan demi kemerdekaan tanah air tercinta.

Ayahanda Sultan Kedah, Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, Almarhum Sultan Badlishah Sultan Abdul Hamid ketika hayatnya memang terkenal dengan kelantangan dan keberanian menentang pelaksanaan gagasan Malayan Union.

Almarhum dengan berani menulis surat bersama Raja Melayu lain kepada British menolak pelaksanaan Malayan Union pada 1 April 1946, yang sekali gus merentap hak keistimewaan orang Melayu.

Malah, baginda bersama Raja Melayu lain berkumpul di Kuala Lumpur memulaukan majlis pelantikan Sir Edward Gent sebagai Gabenor Malayan Union.

Dalam memperkatakan perjuangan orang Melayu Kedah itu, jasa adinda Almarhum, iaitu Tunku Abdul Rahman Putra, Perdana Menteri yang pertama juga tidak boleh kita lupakan kerana beliau adalah arkitek yang menjelmakan kemerdekaan negara.

Selain itu, orang Melayu Kedah sanggup bergabung tenaga dengan orang Melayu negeri lain menentang gagasan Malayan Union yang bertujuan memberi hak kerakyatan sama rata kepada semua kaum.

Pembabitan beberapa pertubuhan Melayu di Kedah dalam penubuhan Umno jelas dilihat dalam

tempoh 1946 hingga 1952. Antaranya Syarikat Kerjasama Am Sauri atau lebih dikenali sebagai Saberkas dan Kesatuan Melayu Kedah (KMK) perlu dikenang dari segi kemampuan pemimpinnya membaratkan semangat bangsa Melayu menentang Malayan Union.

Saberkas yang bergerak sejak 1943 hanya diluluskan pendaftaran pada 21 Julai 1945. Antara pengasasnya ialah Mohd Khir Awang Jaafar, Muhamad Jamil Binjal dan Senu Abdul Rahman (Tan Sri).

Kesatuan Melayu Kedah lahir pada akhir 1945. Antara jawatankuasa penaja badan itu terdiri daripada golongan ulama, Sheikh Abdul Halim Othman, Ibrahim dan Yahaya Junid, manakala golongan muda pula Dr Mahathir Mohamad (Tun), Mohd Zahir Ismail (Tun), Syed Ahmad Shahabuddin dan Khalid Awang Othman.

Pada Mei 1946 lahir pula, Persatuan Pemuda Melayu Kedah (PPMK) yang dipelopori Dr Mahathir sebagai Yang DiPertua, Mohd

Zahir Ismail sebagai Timbalan dan Ustaz Ibrahim sebagai setiausaha yang bekerjasama secara erat dengan KMK. Pada 1949 kebanyakan ahli KMK dan Saberkas menganggotai Umno.

Datuk Seri Mahdzir Khalid memangku jawatan Menteri Besar Kedah berikutan masalah kesihatan Syed Razak dari 17 Julai hingga 16 Oktober 2005 dan seterusnya dilantik secara rasmi sebagai Menteri Besar pada 28 Disember tahun lalu kini meneruskan perjuangan memartabatkan bangsa Melayu dan Umno Kedah.

Umno Kedah di bawah kepimpinan beliau terus menjadi tonggak parti komponen Barisan Nasional (BN) dan berusaha gigih memajukan negeri terutama dari segi aspek ekonomi dan pendidikan.

Menjadi satu agenda utama kepada Mahdzir untuk membasmi kemiskinan tegar di Kedah dengan memberi tumpuan kepada kepentingan pelajaran di kalangan generasi muda.

FAKTA

Pengerusi Umno Kedah sebe-

1 Datuk Syed Omar Shahabuddin

2 Tun Syed Ahmad Shahbudin

3 Tan Sri Osman Aroff

4 Tan Sri Sanusi Junid

5 Datuk Seri Syed Razak Syed Zain